

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 03-05-2021

PEGAWAI PENYEMAK : MOHD ZARATKHAN ABD RAHIM  
Tadbiran Perparit (Penggunaan)  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 03-05-2021

DIBACA PADA: 07-05-2021

DILULUSKAN OLEH: \_\_\_\_\_

  
BAHARUDIN HJ. AIWI

Manajemen Perkhidmatan  
Bahagian Penyelidikan & Informatika  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
الحمد لله رب العالمین  
والصلاة والسلام على  
المرسلين  
الطيبين الطاهرين  
الطاهرين

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

25 RAMADHAN 1442H/ 07 MEI 2021

### ZAKAT FITRAH PERKASA EKONOMI UMMAH

Disediakan oleh:

Bahagian Zakat Dan Fitrah, MUIS

Dengan Kerjasama:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

## ZAKAT FITRAH PERKASA EKONOMI UMMAH KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ﴾  
(سورة البقرة: ٤٣)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga ketaqwaan yang kita usahakan akan dapat meningkatkan tahap keimanan kita dan meninggikan darjat kita di sisi Allah SWT.

### SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, ketika ini kita sedang berada di dalam bulan Ramadan al-Mubarak, bulan dimana difardhukan ke atas kita untuk menunaikan zakat fitrah, iaitu dengan mengeluarkan sebahagian harta atau bahan makanan yang utama menurut ketentuan dan ukuran yang ditentukan oleh syarak. Kewajipan ini bersandarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

***"Dari Ibnu Umar r.a dia berkata: Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah (di bulan Ramadan), satu gantang dari tamar atau satu gantang dari gandum ke atas hamba sahaya, orang merdeka, laki-laki, perempuan, kanak-kanak, orang tua dari segenap orang Islam, dan memerintahkannya untuk ditunaikan sebelum manusia mengerjakan sembahyang (Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri)".***

### SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Zakat secara umum meletakkan tanggungjawab kepada golongan yang kaya terhadap golongan asnaf yang telah jelas dinyatakan dalam al-Quran. Kepentingan pelaksanaannya di sesebuah negara adalah bagi menjamin keadilan dan kestabilan sosial serta merapatkan jurang perbezaan antara masyarakat dan menghindari dari berlakunya permusuhan dan sifat dengki sesama manusia. Hikmah disebalik

ibadah ini merupakan rahmat Allah SWT yang tidak ternilai, terutamanya dalam aspek pembangunan masyarakat. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 56:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

Maksudnya: “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta tunaikanlah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.”

Sesungguhnya, ibadah zakat menatijahkan hadirnya perasaan kasih sayang dan kegembiraan di antara umat Islam, di samping ianya juga dapat meringankan beban orang-orang yang susah seperti golongan fakir dan miskin, lebih-lebih lagi di saat mereka menyediakan persiapan bagi menyambut hari raya aidilfitri sebagai manifestasi kemenangan bagi seluruh umat Islam selama sebulan berpuasa.

### **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,**

Berdasarkan statistik pungutan zakat fitrah di negeri Sabah yang dikeluarkan oleh Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), saban tahun kutipan zakat terus meningkat menerusi pelbagai inisiatif dan usaha dakwah yang dijalankan oleh institusi zakat dan para pendakwah. Masyarakat juga semakin sedar akan kewajipan ibadah zakat yang merupakan rukun Islam yang ke empat.

Perlu untuk kita beringat bahawa zakat merupakan salah satu elemen penting dalam agama Islam sebagaimana solat lima waktu. Tatkala zakat ditunaikan dengan penuh keimanan, pasti memberikan impak besar yang dapat dirasai dan dinikmati oleh setiap individu. Jika ibadah solat yang dilaksanakan menjadi bukti kecintaan terhadap Allah SWT, zakat pula menjadi bukti kecintaan seseorang terhadap saudaranya. Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda,

﴿لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ﴾

Maksudnya: “Tidak sempurna iman seseorang di antara kalian sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, khatib ingin mengingatkan bahawa usaha menolong golongan asnaf ini menjadi tugas kepada seluruh umat Islam, terutamanya institusi zakat yang diberikan autoriti oleh pemerintah yang sentiasa mendokong prinsip mengambil berat antara sesama individu dan mencapai taraf sosial yang baik. Malahan, ia mampu mengeratkan persaudaraan melalui perkongsian harta kekayaan dengan golongan yang memerlukan. Justeru, sewajarnya pembayar zakat di negeri sabah menunaikan zakat kepada amil yang bertauliah yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah

(MUIS) supaya harta yang dizakatkan dapat disalurkan kepada asnaf yang benar-benar berhak menerimanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
﴿خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ  
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan do'akanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya do'amu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Surah at-Taubah: 103)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

آمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعِنَايَتِكَ عَلَى  
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَفَرَتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،  
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ  
بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan MKN dan KKM bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ  
وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522142



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.